

Soalan

SAJA baru bekerja dan kini menjalin hubungan serius dengan seseorang. Kami merancang berkahwin.

Masalahnya, ibu bapa saya tidak menyukai dan memandang rendah teman lelaki hanya kerana dia mempunyai taraf pendidikan rendah daripada saya.

Sebenarnya saya tidak kisah dengan jurang pendidikan itu kerana kami saling menyayangi. Saya tidak mahu melepaskannya kerana dia seorang lelaki yang baik. Bantulah saya.

Gadis runsing, Pahang

Jawapan

Lazimnya, ibu bapa mahu anak mereka. Kasih sayang ibu bapa terhadap anak tanpa sempadan dan

Kelulusan akademik jadi penghalang

Teman lelaki perlu tunjuk kesungguhan berhadapan ibu bapa pasangan

batas. Sering kali juga harapan ibu bapa hancur kerana anak mempunyai keinginan tersendiri. Ini termasuklah soal memilih jodoh.

Faktor kelulusan akademik sering dijadikan batu pengukur kejayaan dalam kehidupan. Justeru, tidak hairan jika teman lelaki

adik bukan lelaki pilihan sebagai menantu. Ibu bapa adik melihat kehidupan daripada kaca mata mereka, berbeza dengan cara adik melihat jodoh.

Jika adik dan teman lelaki benar-benar ikhlas dalam perhubungan ini, tunjukkan kesungguhan dengan

bersifat berani berhadapan dengan ibu bapa. Jadikan perhubungan ini sesuatu yang murni dan diterima agama.

Usaha bersungguh-sungguh untuk mengambil hati ibu bapa. Tunjuk bukti dan komitmen kesungguhan hubungan kalian. Contoh-

nya, adakah teman lelaki adik sanggup bekerja keras dan menyara adik apabila kalian berkahwin nanti. Apa saja pekerjaan halal yang dilakukan, jika diusahakan bersungguh-sungguh akan mendatangkan rezeki.

Namun, jika segala usaha adik memujuk ibu bapa un-

tuk menerima teman lelaki sebagai menantu gagal, apa yang berlaku seterusnya adalah soal jodoh. Adik perlu menghadapi ketetapan jodoh adik dengan hati yang reda mengikut batasan adat, budaya dan yang paling penting dari sudut agama.

Remaja terganggu kekasih disentuh

Soalan

SAJA jejaka berusia 20-an sedang dilamun cinta dengan gadis (A). Kami satu tempat kerja.

Ciri-ciri dan perwatakan yang ada pada A membuat saya terikat dengannya. Untuk pengetahuan Dr, kami begitu rapat dan kerap kali keluar bersama tidak kira masa. Jika ada masalah saling berkongsi.

Dia pernah meluahkan pada saya bahawa dia amat menyayangi saya. Saya juga terdetik ingin menjadikan A sebagai isteri.

Tapi yang mengganggu pemikiran saya dengan serius ialah dia juga sering kali keluar dengan rakan lelaki lain. Saya begitu risau jika rakan lelaki A mengambil kesempatan terhadapnya. A pernah memberitahu saya yang rakan lakinya sering menyentuhnya. Disebabkan perkara itu saya rasa kecewa.

Saya mahu A dalam keadaan terpelihara daripada semua itu. Saya amat sayangkannya sepenuh jiwa dan raga. Saya sering kali berfikir adakah A layak jadi isteri saya?

Saya ada juga mendengar nasihat daripada orang tua supaya mengelakkan wanita seperti itu kerana ditakuti mendatangkan masalah suatu hari nanti. Dan apabila saya bertanya dengan orang-

orang alim seeloknya pilihlah yang beragama. Jadi apa pandangan dan nasihat Dr yang boleh diberikan kepada saya.

Seniman Johor

JAWAPAN


HIDUP tidak boleh berpandukan perasaan hati yang kadangkala boleh merosakkan diri sendiri. Syak wasangka juga boleh membunuh perasaan.

Jika adik mempunyai sifat syak wasangka, tentu sekali akan menyukarkan dan menjarakkan hubungan cinta adik berdua. Adik banyak bermain dengan perasaan sendiri apabila tidak yakin dengan perasaan cinta terhadap A.

Dr amat memahami apabila adik mengatakan terganggu pemikiran dengan serius apabila A sering keluar dengan rakan lelaki lain.

Adik juga begitu risau jika rakan lelaki A mengambil kesempatan terhadapnya. Bukan laut namanya jika airnya tidak berombak, bukan cinta namanya jika perasaan tidak pernah terluka, bukan kekasih namanya jika hatinya tidak pernah merasa rindu dan cemburu.

Adik boleh mengurangkan gangguan pemikiran ini dengan diri sendiri bertindak secara positif. Tidak ada yang



boleh membantu ketenangan jiwa selain daripada diri sendiri. (G.Chr.Lich-tenberg). Kebahagiaan dan tidak kebahagiaan manusia tergantung pada diri sendiri. (Abraham Lincoln).

Jika adik tidak gemar dengan apa yang A lakukan, nyatakan perasaan ini kepadanya. Jelaskan bahawa niat adik adalah baik dan dilakukan atas dasar tidak mahu dirinya menanggung akibat jika sesuatu perkara buruk berlaku. Menunjukkan rasa ambil berat adalah sifat baik dalam satu hubungan.

Apabila A pernah meluahkan perasaannya terhadap

adik, ia satu petanda positif. Bukan mudah bagi seorang wanita untuk melahirkan perasaannya jika tidak merasakan perasaan itu. Perasaan A perlu dihargai. Adik perlu memberi reaksi positif kepada A jika ingin hubungan ini berjaya.

Kebiasaannya, pasangan yang berjaya adalah pasangan yang sama-sama berkongsi keyakinan atas arah tuju sesuatu hubungan. Keyakinan yang dibina ini akan meningkatkan tahap toleransi dalam diri setiap pasangan. Jika ini berlaku ia memberi makna kepada sesuatu hubungan.

Apabila keyakinan pasangan tidak selari, ia memberi kesan kepada tahap hubungan cinta itu. Seorang daripada pasangan akan merasa yakin serta mempunyai matlamat dalam hubungan itu. Sebaliknya, seorang lagi pasangan merasa tidak selamat, merasa serba kekurangan dan menarik diri dari perhubungan itu.

Dalam keadaan ini, sukar untuk hubungan itu saling melengkapi kerana pasangan yang tidak yakin dengan hubungan itu akan bersifat berhati-hati, merasa takut dengan hubungan ini.

Oleh kerana jangkaan tidak dapat dipenuhi, kekecewaan semakin ketara. Benih-benih kepada putusnya hubungan semakin ketara. Pasangan yang mempunyai rasa rendah diri sering berhati-hati oleh kerana membina tembok dalam dirinya.

Jarang sekali individu melahirkan pasangan ini. Dr harap adik tidak menjadi seperti salah seorang pasangan yang tidak yakin dalam hubungan dengan A.

Adik, memang benar. Dr bersetuju dengan pandangan orang-orang alim, seeloknya pilihlah pasangan yang beragama. Mengikut Islam, sahshiah seorang isteri yang seharusnya dipilih oleh suami ialah seperti

sabda Rasulullah SAW, Seorang wanita itu dinikahi kerana salah satu daripada sifat-sifat utamanya; kejelitaannya, hartanya, akhlakannya dan agamanya. Hendaklah kamu memilih wanita yang memiliki agama dan akhlak, kamu akan beruntung kelak. (Riwayat Ahmad).

Dr merasakan adik boleh membimbing A untuk menjadi seorang wanita seperti mana dijangin. Seseorang itu dimujallakan bukanlah disebabkan oleh apa yang dimilikinya, tapi kerana pengorbanannya untuk memberikan manfaat untuk orang lain.

Maksud kata-kata ini ialah jika adik dapat membimbing A, ia amat bermakna. Bak kata pepatah, "kesungguhan, kegigihan, keikhlasan dan pengorbanan adalah pilar cinta sejati".

Tunjukkan rasa cinta dengan berkorban kerana tidak ada cinta tanpa pengorbanan. Apabila engkau memberi dari hartamu, tidaklah banyak pemberian itu. Tetapi apabila engkau memberi daripada dirimu, itulah pemberian yang penuh bererti".

Segala yang terbaik untuk adik dan semoga dapat menjadikan gadis yang dicintai sebagai milik hati dan membimbingnya dengan penuh kasih sayang.